

15 SEP 2003

Mahathir-Pembangkok

PAS JANGAN TERUS TIPU RAKYAT UNTUK TUBUHKAN NEGARA ISLAM, KATA DR MAHATHIR

TANAH MERAH, 15 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan PAS supaya jangan terus menipu rakyat dengan janji untuk menubuhkan sebuah negara Islam ala acuan parti itu kerana mereka tidak dapat menunaikannya.

Perdana Menteri berkata PAS sering menyalahkan kerajaan pusat kononnya tidak mengizinkan parti itu menubuhkan negara Islam.

"Kamu (PAS) tahu selagi kamu tidak boleh jadi kerajaan pusat, tak mungkin kamu dapat dirikan apa yang kamu perkenalkan kononnya negara Islam, jangan janji kerana kamu tidak boleh buat, janji..tipu orang tak baik berdosa," katanya ketika berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kelantan di sini, hari ini.

Kira-kira 20,000 orang terutamanya peladang, penternak dan nelayan di negeri ini hadir mendengar amanat Perdana Menteri itu pada sambutan yang julung kali diadakan secara besar-besaran oleh Kerajaan Persekutuan di negeri ini sejak Pas memerintah negeri itu bermula 1990.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ada pendapat kononnya negara Islam mestilah kucar-kacir, rakyatnya miskin, bodoh, selalu ditindas oleh orang lain dan ini adalah negara Islam ala PAS.

"Sebab itu, Hadi (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) tidak berani mengeluarkan satu risalah (memorandum) mengenai negara Islam ala parti PAS," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu menolak pemimpin PAS yang suka menipu walaupun mereka nampak pada zahirnya orang yang alim berdasarkan kepada pakaian jubah, serban dan berjanggut.

Katanya PAS kini berdolak-dalih bahawa mereka tidak perlu menjelaskan kepada rakyat jenis negara Islam yang dicita-citakan oleh mereka kerana mereka tiada cita-cita untuk menubuhkan negara Islam.

"Apa perlunya mereka mendirikan negara Islam sedangkan Malaysia ini adalah sebuah negara Islam, malah bukan sahaja sebuah negara Islam tetapi negara yang dijadikan contoh kepada semua orang Islam dan negara Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata sudah ramai pemimpin negara luar datang dan akan terus datang untuk melihat bagaimana Malaysia ditadbir dan dibangunkan sehingga berjaya dengan cemerlangnya.

Oleh itu, tiada sebab kenapa kerajaan Barisan Nasional perlu dibenci dan adakah apa yang dilakukan kerajaan bertentangan dengan ajaran Islam, katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata ada orang yang membawa ajaran sesat, iaitu rakyat tidak harus bersyukur dan berterima kasih kepada orang yang memberikan sesuatu yang baik.

"Kalau kita pandai bersyukur dan berterima kasih tentulah kita akan menyokong dan membantu orang yang memberi kepada kita. Sebab itu mereka takut sikap berterima kasih di kalangan rakyat.

"Mereka lebih suka kalau kita (rakyat) tidak berterima kasih sebaliknya membenci orang yang memberi kepada kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kegagalan Kerajaan Negeri Kelantan mentadbir negeri itu menyebabkan rakyatnya yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan berhijrah untuk bekerja di negeri lain.

-- BERNAMA

BD ERE PR